

# **PENYESUAIAN PSIKOSOSIAL TERHADAP TINDAK BALAS KEDAMAIAN (PEACE) DALAM KALANGAN KANAK- KANAK AUTISMA PELBAGAI ETNIK**

Roslinda Abdullah<sup>1</sup>, Madhyazhagan<sup>2</sup>, Saedah Siraj<sup>3</sup>, Mariani Md Nor<sup>4</sup>  
Department of Educational Psychology and Counseling  
roslinda87@gmail.com  
madhya@um.edu.my<sup>1</sup>  
saedah@um.edu.my<sup>2</sup>  
marianin@um.edu.my<sup>3</sup>

## **Abstrak**

*Pembangunan dan perkembangan psikososial yang baik adalah sangat penting dalam membentuk sahsiah diri kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya autisme. Institusi pendidikan yang lebih tinggi bertanggungjawab untuk mencari dan meneroka aspek yang dapat mempengaruhi perkembangan psikososial kanak-kanak autisme agar program yang lebih efektif dapat dirancang bagi membantu mereka ke arah kemajuan yang lebih baik. Kajian tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran sekolah, ibu bapa dan adik beradik terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisme. Kajian tinjauan ini ditadbirkan kepada sejumlah 200 orang sampel yang terdiri daripada guru, adik-beradik dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme. Dapatan kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik yang mengandungi 60 item. Data dikumpulkan secara deskriptif menggunakan perisian SPSS di mana data dianalisis menggunakan kekerapan, peratus, min dan median. Hasil analisis data mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh persekitaran sekolah, ibu bapa dan adik beradik terhadap penyesuaian psikososial dan tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisme. Keputusan kajian menunjukkan bahawa persekitaran sekolah, ibu bapa dan adik-beradik memainkan peranan penting dalam penyesuaian psikososial terhadap tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisme. Oleh itu, pengkaji mengesyorkan agar institusi pendidikan menyediakan program berupa kekeluargaan untuk meningkatkan potensi kanak-kanak autisme dalam perkembangan psikososial mereka.*

**Keyword :** Penyesuaian psikososial, Kedamaian, Pengaruh kanak-kanak autisme

2017 GBSE Journal

---

1 Senior Lecturer, Faculty of Education, University Malaya, Tel: +60123076830 E-mail: madhya@um.edu.my  
2 Professor, Faculty of Curriculum & Instructional Technology, University Malaya, Tel: +60192665726 E-mail: saedah@um.edu.my  
3 Associate Professor, Faculty of Education, University Malaya, Tel: +60379675054 E-mail: marianin@um.edu.my

## Pengenalan

Kajian ini memberi fokus terhadap masalah psikososial dan tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma pelbagai etnik di Lembah Klang. Apabila membincangkan tentang perkembangan kanak-kanak autisma haruslah sejajar dengan perkembangan pendidikan masa kini. Namun begitu, masih terdapat isu yang tetap diperkatakan khususnya perkembangan psikososial kanak-kanak autisma yang sering menjadi fokus perbincangan di pusat-pusat pendidikan.

Dewasa ini, masalah psikososial dalam kalangan kanak-kanak autisma sering diperkatakan sehingga menimbulkan kebimbangan kepada semua pihak terutamanya ibu bapa dan guru. Masalah psikososial yang timbul ini akan menyebabkan kanak-kanak autisma bertingkah laku di luar normal sebenar seperti suka menyendiri, bertingkah laku agresif, sering mengganggu tugas harian ibu bapa dan sebagainya. Sekiranya psikososial kanak-kanak autisma berada pada tahap yang rendah, aspek kedamaian dalam diri mereka tidak akan tercapai. Kanak-kanak autisma akan rasa kecewa dan bersalah serta terus menjauhkan diri mereka dengan masyarakat disekeliling mereka. Hal ini akan memberi impak yang besar kepada sistem pendidikan negara sekiranya ia tidak dibendung lebih awal. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, kita perlu mengenalpasti aspek-aspek yang dapat mempengaruhi perkembangan psikososial kanak-kanak autisma agar mereka berasa lebih dihargai dan sentiasa berada dalam keadaan yang tenang dan damai.

Kanak-kanak autisma biasanya mempelajari dan memperoleh pengetahuan tentang kemahiran psikososial daripada orang dewasa dan persekitaran mereka (Lynch & Simpson 2010). Kemahiran psikososial seperti kemahiran membina persahabatan dan kemahiran regulasi sendiri sudah dipelajari dan dikuasai sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan. Namun, mempelajari kemahiran psikososial merupakan antara kesukaran yang dialami oleh kanak-kanak autistik (Sartini et al. 2013). Impaknya, mereka sukar untuk berinteraksi dengan masyarakat sekeliling serta memahami peraturan-peraturan yang tidak dinyatakan di dalam situasi sosial (Okada et al. 2010). Hal ini menyebabkan mereka berkelakuan tidak menepati kehendak-kehendak sosial yang sepatutnya dan menyebabkan mereka sering kali dipinggirkan oleh rakan sebaya. Kanak-kanak autisma juga akan berasa rendah diri dan mendorong kepada perlakuan menyendiri serta tidak mahu bergaul dengan orang lain. Selain itu, kanak-kanak autisma akan berasa kecewa dan sekaligus tidak akan wujud rasa kedamaian di dalam diri mereka.

Kedamaian tidak dihasilkan dari ego dan cita-cita untuk menjadi yang terbaik, tetapi dari jiwa yang melatih emosi dan fikiran untuk hidup aman dan harmoni dalam segala aspek kehidupan. Kedamaian adalah milik semua yang hidup, kerana semua yang hidup mempunyai emosi, cara berfikir, cara bersikap, dan cara meyakini sesuatu dengan caranya sendiri. Namun begitu, wujud perbezaan di antara seorang individu dengan individu yang lain. Apabila perbezaan ini tidak ditangani dengan toleransi dan sikap baik, maka semua perbezaan itu akan menjadi sumber konflik yang menghilangkan rasa damai dalam diri kanak-kanak autisma.

Rasa aman dan damai ini sekaligus dapat mewujudkan ketenangan fikiran kanak-kanak autisma. Ketenangan fikiran pula akan menjadi asas untuk merawat rasa damai di dalam diri kanak-kanak autisma. Semua kekacauan di dalam diri termasuk kekacauan sosial boleh menyumbang kepada hilangnya rasa damai dalam kalangan kanak-kanak autisma. Oleh itu, kanak-kanak autisma perlu meningkatkan kecerdasan emosi agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan fikiran yang tenang, mempersiapkan keperibadian untuk menerima realiti hidup dengan lebih ikhlas dan jujur serta menjadikan diri sebagai sumber untuk menghasilkan perasaan damai dalam diri sendiri dan kehidupan di sekitar mereka.

Black burn (1997) menyatakan bahawa kanak-kanak autisma merupakan individu yang mempunyai kecelaruan dalam perkembangan otak sama seperti disleksia, mental retardasi tetapi bukanlah satu kerencatan akal walaupun ramai individu autistik menunjukkan sikap seperti mengalami kerencatan akal. Autisma merupakan satu kecelaruan yang bercirikan pengasingan diri, tingkah laku, mencederakan diri, masalah kognitif dan masalah bahasa (Hallahan dan Kauffman, 1997). Kanak-kanak autisma juga boleh dikatakan sebagai ketidaksempurnaan dalam perkembangan otak dan bukannya akibat masalah perkembangan emosi. Namun begitu, perkembangan emosi ini akan meningkat sekiranya kanak-kanak autisma dapat meningkatkan perkembangan-perkembangan yang lain termasuk perkembangan psikososial. Melalui perkembangan psikososial yang baik akan membantu kepada perkembangan emosi kanak-kanak autisma.

Sekiranya, kanak-kanak autisma sukar untuk meningkatkan kecerdasan emosi dan sosial, maka mereka akan sukar mencari rasa damai di dalam diri mereka seperti rasa disayangi, dihargai dan diperlukan dalam konteks sosial. Seseorang yang sukar mencari rasa damai di dalam dirinya, dia juga akan sukar mencari rasa damai di mana-mana. Akibatnya, perasaan tidak aman dan damai akan sering kali menyelubungi sebahagian besar kehidupannya. Perasaan tidak damai adalah bukti bahawa diri kanak-kanak autisma menderita kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada individu yang lain. Rasa gelisah dan takut akan menjadikan kanak-kanak autisma sukar untuk mempercayai dan meyakini orang lain. Kehilangan keyakinan di dalam diri akan membuat kanak-kanak autisma cenderung ke arah perasaan curiga. Rasa curiga yang dialami di dalam diri akan menjadi faktor yang berpotensi ke arah wujudnya gangguan personaliti sehingga diri kanak-kanak autisma tidak lagi mampu untuk menguruskan emosi dan fikiran yang baik untuk kehidupan yang lebih damai.

Selain itu, jiwa yang tidak damai adalah sumber perosak keharmonian kehidupan sosial seseorang kanak-kanak autisma. Hal ini disebabkan di dalam jiwa yang bercelaru, terdapat unsur negatif yang boleh menyumbang kepada perlakuan atau tingkah laku yang negatif. Sekiranya jiwa kanak-kanak autisma tidak mencapai tahap kedamaian yang sepatutnya, mereka berpotensi menjadi seorang kanak-kanak yang mempunyai perasaan benci dan dendam terhadap orang disekeliling mereka. Mereka juga cenderung untuk bercakap bohong dan menyakiti orang lain. Semua ini dilakukan kerana wujudnya keyakinan bahawa dunia ini bukanlah tempat yang selamat, aman dan damai. Perasaan tidak aman merupakan sebahagian daripada penyakit emosi. Oleh itu, perkembangan psikososial dan perkembangan emosi saling berkait rapat antara satu sama lain. Sekiranya kanak-kanak autisma dapat mengembangkan kemahiran psikososial mereka, secara tidak langsung akan meningkatkan perkembangan emosi ke arah yang lebih baik.

Pierce dan Schreiberman (1997) menyatakan bahawa di dalam persekitaran inklusif, guru sering melaporkan kekurangan interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak autisma walaupun banyak peluang untuk mereka berbuat demikian. Reed (1994) menyatakan kemungkinan individu autisma kurang mendapat manfaat melalui perhubungan mereka dengan rakan sebaya adalah disebabkan kegagalan mereka untuk melihat atau menangani isu sosial yang relevan.

Oleh itu, kajian ini penting untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran sekolah, adik-beradik dan ibu bapa terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang. Hasil kajian ini dapat membantu dan menjadi panduan berguna kepada pihak-pihak tertentu dalam merancang satu program atau kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah psikososial dan kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma.

### *Kepentingan Kajian*

Kajian ini penting untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran sekolah, adik-beradik dan ibu bapa terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu dan menjadi panduan berguna kepada pihak-pihak tertentu dalam merancang satu program atau kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah psikososial dan kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma.

### *Objektif Kajian*

Kajian ini cuba untuk mencapai objektif yang berikut :

1. Untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran sekolah terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang.
2. Untuk mengenalpasti pengaruh adik beradik terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang.
3. Untuk mengenalpasti pengaruh ibu bapa terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang.
4. Untuk meninjau penyesuaian psikososial terhadap tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma sekolah rendah pelbagai etnik di Lembah Klang.

### *Persoalan Kajian*

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan kajian yang berikut :

1. Sejauhmanakah pengaruh persekitaran sekolah terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang?
2. Sejauhmanakah pengaruh adik beradik terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang?
3. Sejauhmanakah pengaruh ibu bapa terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang?
4. Sejauhmanakah penyesuaian psikososial terhadap tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma sekolah rendah pelbagai etnik di Lembah Klang?

### *Batasan Kajian*

Skop kajian ini adalah terhad kepada guru dan ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak autisma di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di kawasan Lembah Klang.

### **Metodologi**

Kajian ini memberi fokus kepada empat objektif utama iaitu pengaruh persekitaran sekolah, pengaruh ibu bapa dan pengaruh adik beradik terhadap penyesuaian psikososial dan kedamaian kanak-kanak autisma di Lembah Klang. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau penyesuaian psikososial terhadap tindak balas kedamaian dalam kalangan kanak-kanak autisma sekolah rendah pelbagai etnik di Lembah Klang.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan sekolah-sekolah rendah yang mempunyai kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di kawasan Lembah Klang. Populasi kajian ini adalah melibatkan anak-kanak bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah rendah. Sampel kajian ini adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah autisma. Manakala, dapatan kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik untuk guru, adik beradik dan ibu bapa.

Instrumen kajian penyesuaian psikososial dan kedamaian telah diadaptasi dari unit Psikologi Klinikal Fakulti Sains Kesihatan, PPUKM. Beberapa item telah diadaptasi dalam

aspek psikososial serta elemen kedamaian (PEACE). Kajian rintis dijalankan di dua buah sekolah di Lembah Klang. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian (soal selidik) diukur dengan menggunakan Alpha Cronbach  $\alpha = 0.998$ . Kajian ini juga menggunakan perisian SPSS untuk kaedah pengumpulan data secara deskriptif di mana data akan dianalisis menggunakan kekerapan, peratus, min dan median.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji mengharapkan agar dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu ibu bapa, guru-guru dan pihak-pihak yang berkaitan dalam merancang aktiviti yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan kanak-kanak autisma khususnya. Hal ini adalah penting kerana anak-anak autisma mempunyai hubungan yang rapat terutamanya dengan ibu bapa mereka dan guru di sekolah. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan oleh mereka dapat membantu meningkatkan tahap emosi dan sosial kanak-kanak autisma.

## RUJUKAN

- Armsden, G. C. and M. T. Greenberg (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5): 427-454.
- Azizi Yahya & Nalini a/p Madavan (2006). *Faktor-Faktor Lepak dan Hubungan Keibubapaan di Kalangan Pelajar Remaja di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Skudai, Johor: UTM
- Barnes, H. L. and Olson, D. H. (1985). *Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model*. *Child Development*. 56. 438-447.
- Dacey, Travers. (1996). "Human Development: Across The Lifespan." Masison, WI: Brown & Benchmark.
- Elias, M.J. (2004). The Connection Between Social-Emotional Learning And Learning Disabilities: Implications For Intervention. *Learning Disability Quarterly* 27(winter): 52–63.
- Erikson, Erik H. (1965). "Childhood and Society." Penguin Books Ltd: England.
- Fauziah Md Jaafar, Rosna Awang Hashim & Tengku Faekah Tengku Ariffin (2012). Malaysian University Student Learning Involvement Scale (MUSLIS): Validation of student Engagement Model. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol 9.
- Foubert, J. D., & Grainger, L. U. (2006). Effects of involvement in clubs and organizations on the psychosocial development of first year and senior college students. *NASPA Journal*, Vol 43 (1)
- Ganz, J.B., Kaylor, M., Bourgeois, B. dan Hadden, K. 2008. The impact of social scripts and visual cues on verbal communication in three children with autism spectrum disorders. *ProQuest Educational Journals* 23 (2) : 79 – 94.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). *Adolescents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development*. *Adolescence*. 21(3). 305-322.
- Kamarulzaman Kamaruddin, (2009). *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Kok, A. (2014). Perceptions of Educators Regarding Direct Social Skills Instruction for Students with Disabilities. Doctor of Education, Prescott Valley, Arizona.
- Mahmood Nazar Mohamed (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mancil, G.R dan Boman, M. 2010. Functional communication training in the classroom : A guide for success. *Preventing School Failure* 54 (4) : 238 – 246.
- Ministry of Education British Columbia. 2000. *Teaching students with autism : a resource guide for schools*.
- Mohanani, K. C., Steinberg, L. & Cauffman, E. (2009). Affiliation with Antisocial Peers, Susceptibility to Peer Influence, and Antisocial Behavior during the Transition to Adulthood. *Developmental Psychology*.
- Mohd Taib Dora (2004). *Isu dan Faktor Penderaan Kanak-Kanak dan Juvana di Negeri Johor Darul Takzim*. Kerta kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.
- Montemayor, R. and Hanson, E. (1985). *A Naturalistic View OF Conflict Between Adolescents and Their Parents and Siblings*. *Early Adolescence*. 5(1). 23-30.
- Pierce, K. & Schreibman, L., 1997. Using peer trainers to promote social behavior in autism : Are they effective at enhancing multiple social domains? *Focus on Autism and Other Development Disabilities*, 12, 207-218.
- Reed, Vicki. A., 1994. *An Introduction to Children With Language Disorder*. New York : Macmillan Colege Publishing Company.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin (2013). *Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia*. *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013):55-64.
- Sapora Sipon (2010). *Peranan Iubapa dalam Menangani Masalah Sosial Remaja*. Peranan Psikologi dalam Masyarakat Malaysia. Sabah: UMS.
- Siti Nor Yaacob *et al.* (1994). Faktor-Faktor Keluarga dan Tingkah Laku Tidak Bermoral di kalangan Remaja. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 9, 125-141.
- Wan Noor Shazalina, W. S. (2009). Kaitan tingkahlaku keibubapaan dan pendidikan keagamaan dengan moral pelajar remaja. (Tesis Sarjanamuda tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Woolfolk, A. (2007). *Educational Psychology* (10th Ed). Boston: Pearson Education.
- Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi (2004). *Ikatan dan Kawalan Iubapa Terhadap Tingkah Laku Delikuens Jabatan Kerja Sosial Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia*. Sintok, Kedah: UUM.
- Zamzam Mohd Walid & Nor Azila Mohd Noor (2011). *Pengaruh Sokongan Sosial Terhadap Sinisisme Perubahan Organisasi*. Kertas Kerja dibentangkan di *International Conference on Management (ICM 2011)*.
- Zulkifli, A. H., O. Jamilah, Aminah, A & Ismi Arif, I. (2011). “Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor.” *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2): 31-40.